

29 MAY 2001

Mahathir-Kaamatan

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT KIKIS SIKAP BURUK SANGKA

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya mengikis dan membuang perasaan buruk sangka terhadap mana-mana kaum kerana sikap sedemikian tidak membantu rakyat bersatu padu, kreatif, dan berwawasan.

Perdana Menteri berkata sikap sedemikian juga boleh memusnahkan usaha negara untuk menjadikan rakyat satu bangsa yang kuat dan berjaya.

Oleh itu, katanya, rakyat perlu sentiasa memelihara keharmonian dan perpaduan.

"Rakyat hendaklah saling hormat menghormati dan bekerjasama dalam mensejahterakan kehidupan dan membangunkan negara," katanya dalam perutusan Hari Kaamatan 2001 kepada penduduk Sabah di sini.

Dr Mahathir berkata keamanan amat penting bagi Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang bangsa kerana ia menjamin pembangunan negara berjalan lancar dan sempurna.

"Jika negara hura hara akibat pergeseran atau perbalahan kaum, usaha-usaha membangun dan memajukan negara akan terbantut dan sudah pasti merugikan rakyat sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan memberi penghormatan dengan mengisytiharkan hari-hari perayaan sebagai cuti umum bagi membolehkan kaum berkenaan menyambutnya secara meriah, selain memberi peluang kepada kaum lain turut sama meraikannya.

"Jelas sekali, penduduk pelbagai kaum di negara kita bebas mengamalkan budaya masing-masing, malah sesetengah perayaan keagamaan atau kebudayaan kaum diiktiraf sebagai perayaan rasmi oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri walaupun ia hanya melibatkan kaum minoriti," katanya.

Dr Mahathir berkata memang menjadi dasar kerajaan untuk melihat seluruh rakyat yang mempunyai kepercayaan agama, keturunan, bahasa dan budaya yang berbeza dapat hidup bersama-sama dalam keadaan harmoni dan sejahtera.

"Kita harus bangga keadaan hidup masyarakat kita begitu mesra dan akrab. Negara kita amat berjaya dalam menyatupadukan penduduk yang majmuk ini," katanya.

Pesta Kaamatan atau Pesta Menuai telah disambut sejak zaman berzaman oleh masyarakat Kadazandusun dan Murut bagi menyatakan rasa syukur mereka atas hasil tuaian padi.

Perdana Menteri berkata sambutan itu kemudian diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan sebagai pesta negeri untuk Sabah yang dirayakan selama dua hari pada 30 dan 31 Mei setiap tahun.

Menurutnya pesta ini sebenarnya disambut selama sebulan oleh masyarakat tempatan di kampung atau daerah mereka di seluruh Sabah.

"Oleh yang demikian sempena Pesta Keamatan ini, saya menyeru semua kaum di Sabah supaya menyambut perayaan ini bersama-sama dengan mengunjungi rumah rakan-rakan dan menyertai acara-acara yang diadakan sempena pesta ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV HS RI